

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATUK JUSLIE AJIROL [LIBARAN]

SOALAN : Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan produk-produk pertanian dan industri asas tani Sabah yang telah berjaya menembusi pasaran di peringkat domestik dan antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), sebanyak 21 produk industri asas tani (IAT) Sabah telah dikenal pasti menembusi pasaran Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Brunei. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 April 2014, 10 usahawan MOA telah berjaya merekodkan hasil eksport dengan nilai jualan sebanyak **RM3,504,944.40**.

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, 10 usahawan yang dimaksudkan ini menghasilkan produk IAT seperti berikut:

Bil	Syarikat/ Usahawan	Produk/SKU	Jualan (Jan –April 2014)	
			Kuantiti	Nilai
1.	Rabiatal Enterprise	Produk Kuih Cincin	23.4 MT	RM476,445.00
2.	Rosimah Mohamad, Kg Berundong	Kuih Lidah	16.2 MT	RM243,238.70

Bil	Syarikat/ Usahawan	Produk/SKU	Jualan (Jan –April 2014)	
			Kuantiti	Nilai
3.	Pemborong Mangkab Enterprise	Sos Cili Halia Serbuk Halia Minuman Herba Halia Bermadu Halwa Halia Halwa Halia madu	0.544 MT	RM14,761.00
4.	Rahmah Enterprise	Keropok Amplang	5.9 MT	RM106,200.00
5.	Kebun Rimau Sdn Bhd	Noni Juice Java tea Teh serai Noni Candy Aren Syrup Teh Misai Kucing	-	RM10,143.70
6.	D' SR Resepi	Kerepek Ubi	2.2 MT	RM37,356.00
7.	Haji Saik Basar Abi	Ikan Bilis Kering Udang Kering	200 MT	RM2,400,000.00
8.	Jasa Abadi Collagen Soap	Pencuci Muka berdasarkan rumpai laut	2400 biji	RM16,800.00
9.	Terindak BT Enterprise	Belacan	2 MT	RM20,000.00
10.	Zamas Enterprise	Udang Sejuk Beku	12 MT	RM180,000.00
JUMLAH NILAI JUALAN				RM3,504,944.40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN – BN]**

SOALAN (NO.167)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:

- (a) apakah strategi yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah dalaman persatuan-persatuan sukan di Malaysia dan sejauh manakah masalah ini boleh mengganggu prestasi atlet negara; dan
- (b) inisiatif yang diambil oleh Kementerian untuk menghasilkan atlet berwibawa yang semakin tenggelam pada masa kini.

JAWAPAN (a)

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha memastikan persatuan sukan berada di tahap yang cemerlang dari aspek tadbir urus dan masalah dalamannya diatasi, Kementerian juga sentiasa membantu menangani isu-isu remeh persatuan namun kadangkala tindakan tegas terpaksa diambil terhadap persatuan yang mengalami masalah dalaman yang berpanjangan seperti menggantung atau membatal persatuan berkenaan selaras dengan Seksyen 20 Akta Pembangunan Sukan 1997.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Mei 2014 sebanyak 7,396 badan sukan telah berdaftar di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Daripada jumlah tersebut hanya 617(8.3%) telah dibatalkan yang kebanyakannya dari sukan yang kurang popular.
3. Walau bagaimanapun, hanya 0.07% sahaja badan sukan yang mengalami masalah daripada jumlah keseluruhan 7,396 badan sukan yang berdaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PPS). Keadaan ini tidaklah dilihat boleh menjaskasni imej negara serta menyumbang kepada kemerosotan prestasi dan mutu sukan.
4. Kementerian Belia dan Sukan dari semasa ke semasa telah melaksanakan program-program yang melibatkan 5,760 orang pemegang jawatan dari tahun 2010 - 2013 dalam usaha untuk memantapkan badan-badan sukan supaya ditadbir urus dengan

baik. Antara program tersebut adalah Kursus Pengurusan Badan Sukan, Kursus Kepimpinan Badan Sukan, Kursus Pengurusan Kewangan, Program Naziran dan Pemantauan Badan Sukan, Program Khidmat Nasihat Kepada Pemegang Jawatan dan Program Star-Rating. Pejabat Pesuruhjaya Sukan juga sentiasa mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa bersama badan-badan sukan yang memerlukan khidmat nasihat dalam mengurus persatuan mengikut perlembagaannya.

JAWAPAN (b)

1. Pihak Kementerian melalui Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN) telah mewujudkan Unit Jati Diri dan Bina Insan mulai tahun 2007 untuk memastikan aspek kekuatan emosi, jati diri dan spiritual diberi penekanan. Kementerian sentiasa peka dengan keperluan-keperluan kerohanian dan jati diri di kalangan atlet untuk menjamin kejayaan di samping persediaan fizikal, teknikal, taktikal dan pendekatan sains sukan.
2. MSN sentiasa menganjurkan kem-kem bina semangat, jati diri, ESQ (Emotional Spiritual Quotient) untuk meningkatkan jati diri, kecerdasan emosi dan spiritual serta semangat sepasukan di kalangan atlet negara dan juga atlet pelapis. Untuk mencapai objektif ini, MSN juga turut melaksanakan aktiviti dan program yang berunsur kerohanian manakala pendekatan kemahiran psikologi yang dilaksanakan oleh Pusat Psikologi Sukan, Institut Sukan Negara (ISN). Kesemua pendekatan ini dilaksanakan dari semasa ke semasa dan diharapkan supaya dapat melahirkan atlet

yang bukan sahaja mantap dari kecergasan rohani dan jasmani, tetapi juga akan berjaya di dunia dan akhirat.

3. Selain daripada itu, MSN juga telah menyediakan skim insentif iaitu Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) kepada para atlet yang berjaya mencapai prestasi cemerlang dan mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Secara tidak langsung, insentif ini dapat memberikan motivasi luaran kepada mereka untuk lebih berjaya dan menjadi pendorong untuk mencipta kemenangan dalam apa jua pertandingan yang disertai.

Sekian, terima kasih.